

PENYATA RASMI
MESYUARAT KETIGA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KHAMIS

12 FEBRUARI 2015

BIL. 7 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan
Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., PPN.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat
(Kempas)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., SMJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.

YB Tan Sri Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah.
Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Sesungguhnya kita melahirkan rasa kesyukuran, syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana negeri kita terus berada dalam suasana aman, makmur dan rakyat dapat menjalani kehidupan yang baik. Mudah-mudahan keamanan dan kemakmuran yang diperoleh terus berkekalan.

Kita juga bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana negeri Johor juga dilindungi daripada bencana banjir besar pada penghujung tahun yang lalu, seperti yang telah berlaku kepada negeri-negeri lain di Pantai Timur. Semoga mereka yang terlibat dengan banjir di Pantai Timur itu tidak terjejas dan mudah-mudahan mereka akan terus tabah untuk meneruskan kehidupan. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas nikmat yang diberikan oleh Allah kepada rakyat dan negeri Johor.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

YAB. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 3 Tahun 2015.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2015.

YB Tan Sri Speaker : EXCO Agama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 5 dan 6 Tahun 2015.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2015.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong jemput.

YB Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Sejauh manakah pencapaian GLC Negeri Johor sepanjang tahun 2014 dari segi keuntungan dan kerugian. Dan berapakah sumbangan dividen kepada kerajaan negeri sepanjang 2014.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat daripada Sungai Abong telah membangkitkan persoalan mengenai sejauh manakah pencapaian GLC Negeri Johor sepanjang tahun 2014 dari segi keuntungan dan kerugian. Dan berapakah sumbangan dividen kepada kerajaan negeri sepanjang 2014.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor mempunyai 3 syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC iaitu Perbadanan Johor (JCorp), Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) dan Permodalan Darul Ta'zim (PDT). Bagi semua GLC-GLC tersebut, penyata untung dan rugi untuk tahun 2014 masih lagi dalam proses pengauditan oleh pihak yang ketiga.

Dan bagi JCorp, penyatanya akan dibentangkan di Dewan yang mulia sebaik laporan audit itu siap sepenuhnya. Walau bagaimanapun, izinkan saya maklumkan penyata akaun selepas cukai GLC-GLC tersebut untuk tahun 2013. Ketiga-tiga GLC tersebut telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2013. Di mana keuntungan selepas cukai yang dicatatkan oleh Perbadanan Johor ialah sebanyak RM129 juta, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor sebanyak RM621 juta, manakala Permodalan Darul Ta'zim juga turut mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM739,000.00.

Daripada keuntungan selepas cukai bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri Johor telah menerima pembayaran dividen daripada dua (2) syarikat GLC iaitu Johor Corporation dan KPRJ dengan masing-masing membayar dividen sebanyak RM8.545 juta oleh Johor Corporation dan RM30 juta oleh KPRJ. Setakat hari ini, PDT masih belum memberi pulangan dalam bentuk dividen kepada kerajaan negeri memandangkan PDT merupakan sebuah GLC yang ketika ini sedang melalui proses pengemaskinian dan pemantapan dari sudut operasi dan organisasi kerana GLC tersebut kurang diberi pendedahan sebelum ini. Atas sebab itu, kerajaan negeri hari ini mula menggerakkan kembali peranan yang boleh disumbangkan oleh PDT kerana GLC tersebut mempunyai potensi besar untuk berjaya seiring GLC lain di negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada GLC yang dinyatakan tadi, kerajaan negeri juga mempunyai 3 syarikat pelaburan berkaitan kerajaan ataupun Government Link Investment Company ataupun ringkasnya GLIC. Syarikat-syarikat tersebut adalah Yayasan Pelajaran Johor Holdings yang ditubuhkan di bawah Yayasan Pelajaran Johor, Perbadanan Islam Johor Holdings (PIJH) yang ditubuhkan di bawah Perbadanan Islam Johor dan JBiotech Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kepada JBioteknologi dan Biodiversiti Corporation atau JBiotech.

Alhamdulillah berdasarkan penyata kewangan beraudit 2013, kesemua GLIC tersebut mencatatkan keuntungan. YPJH telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM15.7

juta. Manakala pulangan YPJH kepada kerajaan negeri yang disalurkan melalui YPJ ataupun kepada YPJ adalah sebanyak RM16.16 juta seperti yang telah ditetapkan oleh YPJ.

Bagi syarikat PIJH pula keuntungan selepas cukai yang dicatatkan bagi tahun 2013 ialah sebanyak RM2.4 juta. PIJH telah menetapkan pembayaran setiap tahun kepada PIJ sebanyak RM5 juta bagi tujuan pelaksanaan program-program tanggungjawab sosial, korporat dan sebagainya.

Bagi syarikat JBiotech Holdings Sdn. Bhd. keuntungan selepas cukai yang dicatatkan bagi tahun 2013 ialah sebanyak RM472,000.00. Dan daripada jumlah tersebut, JBiotech Holdings telah membayar dividen kepada syarikat utamanya JBiotech sebanyak RM300,000.00 dalam bentuk pembayaran kos perkhidmatan dan aset.

YB Tan Sri Speaker : Jemput Sungai Abong.

YB Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut satu pekeliling yang telah dikeluarkan pada tahun 1993 kalau tak silap saya, bahawa setiap GLC yang mendapat keuntungan mesti memulangkan balik kepada Kerajaan Negeri Johor sebanyak 10%. Jadi daripada angka-angka yang diperolehi daripada Yang Amat Berhormat tadi contoh macam KPRJ, untung RM600 juta tetapi pulang kepada Negeri dalam bentuk dividen sebanyak RM30 juta, sepatutnya RM60 juta. Jadi saya ingin tahu bagaimana boleh tidak berlaku 10% yang ditetapkan oleh pekeliling?

YAB. Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kerajaan Negeri, memang kalau boleh setiap GLC tersebut memberi jaminan untuk membayar 10% daripada keuntungan mereka kepada pihak kerajaan. Tetapi ada kalanya kita menentukan supaya GLC-GLC tersebut menanggung membuat pembiayaan beberapa perkara yang diputuskan oleh pihak kerajaan sepertinya melaksanakan membayar subsidi bagi perumahan supaya tak dapat, tak perlu dijual dengan mahal, mengadakan program-program CSR dan sebagainya. Jadi atas sebab itulah kita ambil kira dari segi pembiayaan *in kind* yang mereka lakukan yang bersamaan dengan jumlah 10% sepatutnya dividen dibayar kepada kerajaan. Sebab itulah kita dapat lihat macam JCorp semalam menaja pengeluaran akhbar Utusan melalui penggunaan tulisan jawi. Itu menggunakan perbelanjaan sebanyak RM1 juta dan sebagainya.

Dan JCorp dan KPRJ pula, kita akan gunakan untuk membiayai pembinaan masjid-masjid dan juga untuk mengambil alih pembinaan sekolah-sekolah agama di Negeri Johor. Jadi, itu digunakan sebagai pulangan walaupun tidak dalam bentuk wang ringgit kepada kerajaan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jorak jemput.

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Keputusan peperiksaan PT3 telah menimbulkan rasa kurang puas hati kepada pelajar dan ibu bapa. Minta jelaskan perkara ini dan langkah penambahbaikan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu. Selamat pagi salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keputusan peperiksaan PT3 tahun 2014 memang sedikit sebanyak telah menimbulkan rasa tidak begitu selesa di kalangan ibu bapa disebabkan oleh pencapaian peperiksaan ini dibandingkan PMR dibandingkan tahun-tahun sebelum itu.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seramai 50,717 yakni 99.39% calon ataupun pelajar-pelajar telah menduduki PT3 peperiksaan PT3 ini berbanding dengan 51,029 calon yang mendaftar pada tahun 2014 di seluruh Negeri Johor. Dari jumlah tersebut, 226 calon yakni 0.45% telah mendapat gred cemerlang yakni A bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Calon yang mencapai tahap minima semua mata pelajaran yakni dalam kesemua mata pelajaran itu ada yang gred A sampailah sekurang-kurangnya gred E, yang diduduki seramai 14,246 calon ini 28.09%. Calon yang belum mencapai tahap minima bagi semua mata pelajaran yang diduduki yakni sekurang-kurangnya 1 gred F seramai 36,471 calon iaitu 71.91%. Manakala calon yang mendapat gred F yakni tidak mencapai tahap minima bagi semua mata pelajaran yang diduduki seramai 762 calon (1.50%).

Daripada analisa ini, majoriti pelajar-pelajar ini dalam kategori yang ketiga iaitu dalam 8 ataupun jumlah mata pelajaran itu ada 1 yang dapat gred F yakni tidak mencapai tahap minima (tak lulus). Prestasi yang rendah bagi pencapaian PT3 tahun 2014 dipengaruhi oleh beberapa mata pelajaran yang menunjukkan peratus calon menguasai tahap minima sekurang-kurangnya gred E sangat rendah iaitu mata pelajaran Sains 35.31%, Matematik 46.67% dan Bahasa Inggeris Ujian Bertulis 52.67%.

Ada 2 faktor yang mempengaruhi keputusan yang saya terangkan di atas pertama, adalah disebabkan oleh format soalan PT3 berbanding dengan PMR adalah berbentuk subjektif yang mana calon perlu menjawab dalam bentuk ayat bagi semua mata pelajaran. Dan di samping itu faktor yang kedua, ada penambahan dari segi soalan-soalan yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi yang menyebabkan calon agak sukar untuk memberi jawapan yang tepat. So, oleh itu dia mempengaruhi score yang diperolehi oleh calon-calon pada keseluruhannya.

Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri akan fokuskan kepada 2 tindakan utama bagi membantu untuk menambah baik. Hasil daripada perbincangan ataupun *post mortem* pencapaian PT3 2014:-

1. Pihak Jabatan dan juga sekolah perlu mengenal pasti kekuatan serta kelemahan calon-calon mengikut mata pelajaran dan juga sekolah menerusi analisa yang dilaksanakan melalui PBS.
2. Pihak Jabatan juga akan berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran melalui latihan bagi memastikan guru-guru dapat mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berfokuskan murid, seterusnya menerapkan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan juga pembelajaran. Menerusi latihan ini guru-guru akan dilatih, kemahiran untuk membina soalan dan mengskor jawapan calon dalam usaha

melengkapkan guru-guru supaya lebih bersedia dengan kaedah penilaian PT3. Usaha yang dilaksanakan ini diharapkan dapat menambah baik tahap pencapaian pelajar dalam PT3 di masa-masa akan datang.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Tan Sri Speaker sebenarnya memang saya sendiri menyokong tentang pelaksanaan PBS yang akhirnya adanya PT3 ini, nak dibandingkan dengan sistem yang lama yang lebih fokus kepada peperiksaan PMR. Tapi wujud di situ ialah di mana penilaian pentaksiran yang dibuat oleh guru-guru terhadap setiap pelajar kerana apa yang dirungutkan oleh pelajar dan juga ibu bapa ialah penilaian dibuat oleh seorang pelajar itu berbeza. Kadang-kadang kita dilihatkan bahawa kerja ataupun tugas yang dilakukan oleh seorang pelajar itu tidak seberapa, tetapi markah yang diberikan begitu tinggi. Dibandingkan dengan seorang pelajar yang begitu baik, rajin, yang elok tetapi pentaksirannya rendah dan mereka saling bertukar-tukar maklumat apatah lagi sekarang ini dengan teknologi maklumat yang begitu mudah diakses oleh, dicapai oleh ibu bapa ataupun pelajar-pelajar. Dan, ini sebenarnya yang menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan pelajar dan juga ibu bapa. Jadi saya nak tahu apakah langkah-langkah Jabatan menangani masalah pentaksiran ataupun memberikan markah yang seadil-adilnya kepada para pelajarnya.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini antara kekeliruan yang timbul di kalangan ibu bapa kerana keputusan peperiksaan PT3 ini adalah semata-mata bergantung kepada peperiksaan yang diadakan pada ketika itu. Dia tidak melibatkan apa nama tu, kerja, kerja projek yang sebelum tu ya. Pasal soalan itu adalah soalan-soalan yang dibina oleh guru daripada sumber yang diberikan oleh pihak penangung pusat, maka sekolah tu daripada bank soalan, cikgu ataupun sekolah buat soalan berdasarkan, bina soalan, dicantumkan dan dibahagikan peperiksaan pada pelajar-pelajar dan juga cikgu tu sendiri yang tanda dan beri markah soalan tu. Tak melibatkan projek-projek yang sebelum tu. Untuk PT3 ni memang betul-betul berdasarkan pada peperiksaan tu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Apakah kelayakan permohonan Rumah Mesra Rakyat? Berapa buah rumah yang boleh dibina di dalam satu geran tanah?

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Berapa lama proses kelulusan dan pembinaan Rumah Mesra Rakyat setelah permohonan dihantar?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab kedua-dua sekali soalan bergabung.

Untuk makluman Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) merupakan sebuah syarikat Menteri Kewangan yang diperbadankan, yang dipertanggungjawab oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat. Untuk makluman sidang Dewan, Program Rumah Mesra Rakyat diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak punya rumah atau tinggal di rumah usang, (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program ini merupakan satu program yang dibiayai oleh Kerajaan dan melalui peruntukan subsidi tahunan sebanyak RM20,000.00 seunit. Manakala baki kos pembinaan RM45,000.00 adalah tertakluk kepada kaedah pembiayaan semasa atau oleh segi kewangan sebagai pinjaman kepada pemohon. Berdasarkan kepada Manual Prosedur Kerja yang telah mendapat Pensijilan MS ISO 9001-2008, untuk Program Rumah Mampu Milik, Rumah Mesra Rakyat, permohonan akan dinilai layak dalam tempoh 12 minggu dari tarikh permohonan yang diterima. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pembinaan RMR adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan kepada SPNB setiap tahun. Sehubungan dengan itu juga, bagi tahun 2015, Syarikat Perumahan Nasional Berhad akan membina 12,000 unit Rumah Mesra Rakyat dengan menggunakan peruntukan Bajet 2015 seperti yang diumumkan Yang Amat Berhormat Datuk Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia pada 10 Oktober 2014 yang lalu bagi menampung jumlah permohonan yang tinggi terhadap program ini setiap tahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Sidang Dewan yang mulia ini, syarat-syarat permohonan Program Mesra Rakyat, Rumah Mesra Rakyat adalah seperti berikut :-

1. Warga Negara Malaysia.
2. Pemohon mestilah berumur 18 hingga 60 tahun.
3. Pendapatan kasar seisi rumah di antara RM750.00 hingga RM3,000.00 sebulan.
4. Pemohon ataupun pasangan tidak mempunyai rumah sendiri atau mempunyai rumah usang, tidak sempurna.
5. Pemohon mesti tuan tanah atau salah seorang tuan tanah bersama geran dalam surat Hak Milik.
6. Tapak ataupun tanah mestilah bersesuaian dan bebas daripada sebarang sekatan dan pemohon mestilah mendapat kebenaran daripada tuan tanah bersama.
7. Keluasan tanah tidak kurang 2,800 kaki persegi.
8. Tertakluk kepada kelulusan pinjaman daripada institusi kewangan.

Walau bagaimanapun, Program Mesra Rakyat ini adalah tertakluk juga kepada syarat-syarat yang digariskan kepada pemohon oleh institusi kewangan yang akan memberikan pinjaman kepada pemohon di mana salah satu daripadanya pembinaan satu rumah di atas satu tanah bagi tujuan perlindungan sekuriti. Meskipun begitu, syarat-syarat ini boleh berubah di masa hadapan bergantung kepada kelonggaran syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh institusi kewangan dalam memberikan pinjaman ke atas program ini.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Apakah prosedur ataupun tindakan yang boleh dijalankan oleh pihak SPNB sekiranya pemilik Rumah Mesra Rakyat gagal membuat pembayaran untuk tempoh masa yang agak lama ataupun pemilik rumah tersebut telah meninggal dunia?

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Syarikat Perumahan Nasional Berhad mempunyai kaedah tertentu dalam menangani masalah seperti kegagalan pembayaran sewaan pemilik, mufliis, pemilik meninggal dunia dan sebagainya. Dan, setiap pemilik Rumah Mesra Rakyat akan menggunakan penama kedua yang akan diinsuranskan melalui polisi Takaful Gadaai Janji, berkurangan ataupun *Mortgage Using Term Takaful (MRTA)* di mana ianya berlaku dalam senario pemilik yang berumur di bawah 35 tahun akan diinsuranskan MRTA di atas penama pemilik Rumah Mesra Rakyat. Sekiranya pemilik Rumah Mesra Rakyat meninggal, bayaran bulanan akan dilupuskan melalui perlindungan insurans ini dan bagi pemilik yang berumur 35 tahun ke atas diinsuranskan MRTA di atas penama kedua. Sekiranya pemilik meninggal, bulanan akan diteruskan oleh penama kedua. Ini berdasarkan kepada jumlah tempoh pinjaman maksimum, biasanya had umur yang dimasukkan dalam sebagai umur hayat itu 65 tahun. Pemilik yang berumur di atas 35 tahun diusahakan MRTA di atas penama kedua sekiranya penama kedua, bayaran bulanan akan dilupuskan oleh perlindungan insurans penama kedua.

Terdapat sebilangan kecil pemohon yang gagal membuat bayaran bulanan seperti yang termaktub dalam perjanjian pembinaan pembiayaan. SPNB melalui anak syarikat dana akan berbincang dengan pemilik-pemilik bermasalah bagi mencari kaedah terbaik dalam menyelesaikan bayaran tertunggak. Walau bagaimanapun, SPNB berhak untuk mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian aku janji sewaktu menandatangani perjanjian bersama dengan pihak SPNB.

YB Tan Sri Speaker : Dijemput Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) : Berapa banyakkah permohonan yang telah diterima seluruh negeri Johor serta berapa kos pembinaan bagi menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia dan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan khasnya bagi DUN Sungai Balang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau mengikut statistik pada tahun 2002 hingga 31 Disember 2014, Syarikat

Perumahan Nasional Berhad negeri Johor telah menerima 9,803 permohonan untuk membina Rumah Mesra Rakyat di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,844 permohonan telah diluluskan, 2,355 permohonan telah ditolak kerana tidak ikut syarat dan sebanyak 2,624 permohonan masih dalam penilaian Syarikat Perumahan Nasional Berhad. Dan, untuk makluman Yang Berhormat, kos pembinaan satu unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia adalah berjumlah sebanyak RM65,000.00 di mana RM20,000.00 bagi setiap unit adalah dibiayai oleh Kerajaan melalui peruntukan subsidi tahunan iaitu sebanyak RM20,000.00 seunit melalui kaedah pembiayaan semasa yang dilaksanakan oleh pihak SPNB. Pemilik hanya perlu membuat bayaran bulanan sebanyak serendah RM150.00 bagi tempoh 26 tahun. Dan, untuk DUN Sungai Balang, jumlah permohonan 27, masih dalam penilaian 18, ditolak 1, diluluskan 8, masih dalam pembinaan masih lagi belum lagi dan yang dah siap 8.

YB Tan Sri Speaker : Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Kita ucap tahniahlah kepada Kerajaan yang berjaya menyediakan, membantu rakyat untuk mendapat memiliki rumah, terutamanya di luar bandar. Isu di lapangan sekarang ini yang dihadapi oleh pemohon Rumah Mesra Rakyat ialah dia dah dapat kelulusan. Surat kelulusan dah dapat, perjanjian dah buat, kontraktor pun dah ada, tapi rumahnya tak buat-buat. Di kawasan saya banyak berlaku ni. Ha, ini isu yang berlaku terhadap Program Rumah Mesra Rakyat. Kita nak tahu, adakah dalam pengetahuan YB Pengerusi EXCO bahawa banyak Rumah Mesra Rakyat yang dah dapat kelulusan, dah buat perjanjian, dah ada kontraktor tapi tak jalan kerja. Kalau ini dapat difikirkan boleh membantu rakyat dalam menyelesaikan usaha mereka untuk memiliki rumah, tempat mereka berlindung.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita memang mendapat maklum balas daripada Wakil Rakyat dan orang ramai berkenaan dengan masalah pembinaan Rumah Mesra Rakyat ini. Berkaitan dengan perjanjian telah ditandatangani tetapi masih belum dilaksanakan. Apa yang berlaku di lapangan, oleh kerana harga rumah yang kita bagi pada pihak kontraktor adalah sebanyak RM60,000 di mana subsidi adalah RM20,000 tetapi apa yang berlaku di lapangan kadang-kadang berlaku tambakan tanah, maknanya kos yang terpaksa dilaksanakan kontraktor adalah terlalu tinggi dan menyebabkan pihak kontraktor terpaksa memulang balik. Jadi, perkara-perkara begini yang menjadi sebahagian daripada permasalahan selain daripada isu-isu berkaitan dengan jalan masuk dan isu-isu berkaitan dengan soal-soal di mana rumah mesra rakyat ini berkaitan dengan subsidi. Dan pihak kerajaan telah menambah peruntukan ini untuk kita menentukan bahawa permintaan berdasarkan rumah mampu milik yang masih tertanggung itu kita perlu laksanakan dan perjanjian itu biasanya kita buat dahulu dan pihak SPNB akan menunggu subsidi peruntukan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Dan satu lagi isu masalah adalah berkaitan dengan soal-soal pembayaran kerana masa permulaan program rumah mesra rakyat ini sebahagian dana yang diperuntukkan oleh pihak kementerian kepada SPNB kontrak ini telah dilaksanakan dan ia memerlukan pulangan balik daripada pembayaran pihak-pihak yang telah

menandatangani perjanjian atau apa yang telah berlaku ada masalah dari segi pembayaran-pembayaran dan berdasarkan kumpulan duit kewangan ini, jadi kita biarkan *rolling* balik untuk melaksanakan projek-projek rumah mesra rakyat yang akan dilaksanakan untuk yang akan datang itu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Tan Sri Datuk Speaker, terima kasih. Saya bertanya berkenaan kenapa menegakkan kuota kerajaan masih diperlukan, sebab kalau ikut keperluan rakyat saya rasa kuota menegakkan kerajaan tidak perlu lagi, sama ada Barisan Nasional tidak yakin pada mereka sendiri bahawa kalau tidak ada kuota menegakkan kerajaan, kerajaan akan runtuh.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya pun tak berapa jelas pasal kota ini Kota Melaka. Kuota bererti kuotalah bermakna kuota kerajaan. Kita sebenarnya tadi saya dah maklumkan dari segi dasar, dasar kita untuk rumah mesra rakyat ni tadi dah saya dah maklumkan dalam Persidangan Dewan berdasarkan kepada syarat-syarat. Jadi itulah dia yang kita saya nak terangkan, tadi tentang isu-isu kuota-kuota yang dasar kerajaan itu dah ada dalam tu.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Gambir, jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Daerah Ledang dengan Legenda Puteri Gunung Ledangnya amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai lokasi pelancongan antarabangsa. Adakah Jabatan Pelancongan Negeri Johor bercadang untuk menjadikan program-program antarabangsa seperti Internasional Paragliding yang pernah dianjurkan satu ketika dulu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman bagi tahun 2015 kerjasama di antara Jabatan Pelancongan Negeri Johor (JPNJ) dan agensi sukan seperti Jabatan Belia dan Sukan berserta dengan Majlis Sukan Negeri akan dipertingkatkan supaya acara-acara sukan diterajui oleh jabatan-jabatan berkaitan, dapat dibantu oleh Jabatan Pelancongan Negeri Johor dari segi usaha promosinya.

Bagi tahun 2015, acara berjenis yang diberi tumpuan adalah acara-acara bagi *Malaysia Year Of Festival* dengan izin. Tiga daripada acara ini adalah acara tradisi yang diadakan di lokasi yang telah ditetapkan iaitu Festival Layang-Layang Antarabangsa yang bakal berlangsung di Pasir Gudang, *JB Arts Festival*, dengan izin di Johor Bahru dan Festival Perarakan Chingay juga di Johor Bahru. Jabatan Pelancongan sentiasa bersedia untuk membantu mempromosikan acara-acara sukan yang dibawa oleh agensi dan syarikat swasta misalnya seperti yang telah dibuat bagi *Monsoon Cup* dengan izin yang mana penglibatan kewangan Kerajaan Negeri adalah pada kadar minima dan perbelanjaan utama dibuat oleh pihak swasta.

YB Tan Sri Speaker : Gambir, jemput.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi saya merujuk kepada bagaimanakah rancangan Jabatan Pelancongan Negeri dari segi penganjuran program antarabangsa di Gunung Ledang. Seperti mana yang kita maklum Tan Sri Speaker, anjuran program-program antarabangsa ini boleh memberi impak secara ekonomi kepada masyarakat sekitar di situ. Jadi, saya ingin tahu kalau anjuran program-program antarabangsa ini, apakah impaknya yang telah dimanfaatkan selama ini oleh Jabatan Pelancongan kepada masyarakat setempat dengan anjuran program-program antarabangsa ini? Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa sememangnya memberi impak terhadap industri pelancongan Negeri Johor khususnya di dalam menarik kedatangan pelancong ke negeri Johor. Statistik juga jumlah pelancong yang bermalam di negeri Johor yang diperolehi dari *Tourism Malaysia* bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 mencatatkan peningkatan sebanyak 8.55% iaitu seramai 2,898,980 orang berbanding 2,670,592 orang bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Selain mendapat penyertaan dari pelbagai negara dari seluruh dunia penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa juga dilihat sebagai landasan terbaik kepada kerajaan negeri untuk mempromosikan negeri Johor di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, acara *Monsoon Cup* yang diadakan julung-julung kalinya di negeri Johor dijangka akan dapat disaksikan oleh lebih kurang 200 juta daripada 2 bilion penonton televisyen dan media elektronik di 123 siaran dalam 183 negara. Ini secara tidak langsung memberikan publisiti dan lebih ramai orang akan mengenali negeri Johor.

Selain daripada itu, penganjuran acara-acara seperti Festival Layang-Layang, *Malaysia Rally* dan acara sukan bertaraf antarabangsa di negeri Johor dapat membawa peserta yang datang tahun demi tahun dan juga memperkenalkan negeri Johor sama ada melalui peserta itu sendiri atau melalui penganjur yang datang dan publisiti yang diberikan oleh pihak media. Penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa juga dilihat secara tidak langsung memberikan limpahan ekonomi kepada negeri Johor khususnya kepada agensi pelancongan, pengusaha hotel, pengusaha kompleks membeli belah, pengangkutan dan peniaga kecil seperti penjual makanan, minum serta barang-barang runcit.

Justeru itu, kerajaan negeri amat menggalakkan acara-acara bertaraf antarabangsa seumpama ini dan akan memberikan sokongan serta kerjasama kepada mana-mana pihak penganjur atau swasta yang ingin menjadikan negeri Johor sebagai lokasi acara mereka.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat, soalan saya nombor 6.

Memandangkan jika berlakunya jerebu akan melanda seluruh negeri Johor, sehingga kini nyatakan penambahan *haze detector* di dalam negeri Johor berbanding tempoh masa yang lepas berserta dengan lokasi penambahan tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jerebu merupakan fenomena pencemaran udara yang saban tahun melanda negara kita. Pihak kerajaan telah memasang sebanyak 52 buah stesen kawalan udara automatik di seluruh negara yang telah menyalurkan data cerapan udara 24 jam sehari. Sebanyak 4 buah stesen telah dibina di negeri Johor dengan masing-masing di Muar, Kota Tinggi, Larkin dan Pasir Gudang.

Ekoran daripada jerebu yang merentasi sempadan terjadi pada tahun-tahun sudah melanda bahagian pantai barat negeri Johor dan sekiranya fenomena ini berulang dan bagi merealisasikan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menambah nilai kepada kesejahteraan rakyat, pihak kerajaan telah bersetuju untuk membuat tambahan 4 lagi stesen pengawasan udara automatik di negeri ini. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor selaku agensi yang diberikan tanggungjawab untuk memberikan cadangan lokasi yang bersesuaian telah mengenal pasti 4 lagi kawasan untuk dipasang alat pengawasan udara automatik tersebut iaitu setiap satu di Batu Pahat, Segamat, Pontian dan Pengerang.

Parameter-parameter yang dicerap pada masa ini adalah habuk halus bersaiz 10 micron, karbon monoksida, nutrien dioksida, sulfur dioksida dan ozon serta parameter metrologi seperti arah dan kelajuan angin, suhu dan kelembapan. Parameter-parameter baru yang akan ditambah dalam program pengawasan udara baru adalah habuk halus bersaiz 2.5 mikron, hidrokarbon, BITEC dan Ultra violet.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Pengkalan Rinting, jemput.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Amat Berhormat Pengerusi tadi. Soalan tambahan saya begini. Pengkalan Rinting ingin tahu setakat ini berapakah buah atau berapa mesin *haze detector* bergerak dalam negeri Johor. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya seperti yang saya katakan tadi bahawa *haze detector* yang ada 4 buah yang secara statistik yang telah pun kita bina dan kita menambah 4 lagi *haze detector* untuk memastikan keberkesanan kita untuk mencerap data-data untuk IPU dan sebagainya. Oleh kerana pada masa-masa yang lepas *haze detector* yang lengkap hanya 4 maka apabila berlaku masalah jerebu dan untuk mendapat ketepatan daripada segi data maka kita menggunakan *mobile*. *Haze detector* maknanya menyusahkan dari segi pergerakan dan sebagainya dan kita mendapatkan *mobile haze detector* itu daripada Kuala Lumpur. Maka dengan

adanya tindakan proaktif yang dilakukan kerajaan negeri pada hari ini untuk menambahkan lagi *haze detector* yang statik tentunya ia akan menambahkan lagi kecekapan dan juga keberkesanan dalam usaha untuk memastikan bahawa data-data ini dapat diberikan dan juga dapat diperolehi dengan lebih berkesan dan juga dapat dimaklumkan kepada masyarakat secara keseluruhan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Apa persediaan kerajaan negeri Johor terhadap kelengkapan sukan untuk menjadi tuan rumah sukan SUKMA 2020?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ADUN Tanjung Puteri, Yang Berhormat Tanjung Puteri di atas perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan kemudahan dan prasarana sukan di negeri Johor bagi menghadapi SUKMA 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, kerajaan negeri mengambil serius berkenaan dengan kemudahan dan prasarana sukan di negeri Johor yang mana ketika ini pembentangan Bajet YAB Menteri telah mengumumkan di bawah strategi membudayakan sukan dan gaya hidup sihat untuk kebingkasan Malaysia, 5 pembangunan infrastruktur sukan utama telah dirancang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

1. Larkin Central Park yang mana dijangka dibangunkan mulai tahun 2015 dan akan dilaksanakan secara berfasa oleh kerajaan negeri Johor dengan kerjasama Johor Corporation. Antara elemen pembangunannya ialah menaikkan taraf Stadium Tan Sri Dato' Hasan Yunus Larkin.
2. Menaik taraf arena akuatik MBBJ Larkin, yang dilengkapi dengan kolam renang yang mengikut spesifikasi badan induk sukan dunia yang mana segala catatan rekod baru diiktiraf. Kolam bagi acara terjun juga akan di naik taraf serta membina sebuah *dry gym* dengan izin, bagi melatih atlit-atlit negeri Johor bagi membuat persiapan menghadapi SUKMA 2020.
3. Membina stadium tertutup baru di Larkin dengan kapasiti 5,000 jumlah kerusi dengan jumlah keseluruhan ketiga-tiga projek sebanyak RM140 juta. Dengan adanya pembangunan ini melitinkan betapa komited kerajaan negeri dalam menyediakan kemudahan sukan bukan sahaja untuk menghadapi SUKMA 2020 tetapi menjadikan sukan sebagai salah satu medium atau sumber kemajuan ekonomi negeri Johor di samping memupuk rakyat negeri Johor khususnya dengan gaya hidup sihat.
4. Membina sebuah stadium bagi acara balapan dan padang dengan kapasiti sebanyak 5,000 di Taman Mount Austin Johor Bahru yang dilaksanakan bagi

kaedah penswastaaan. Stadium ini dilengkapi dengan asrama belia, dengan kapasiti 200 orang bagi menampung atlet-atlet Johor. Gimnasium yang dilengkapi dengan semua peralatan, pusat kecekapan sukan, pusat kecerdasan, *sport injuries clinic* dengan izin, Pusat Institut Sukan Negara Satelit Johor dan juga padang latihan. Pembangunan ini mengambil kira kemudahan yang diperlukan oleh atlet bagi meningkatkan lagi prestasi atlet-atlet Johor.

5. Pembangunan Akademi Tenis Johor di kawasan Nusa Duta Johor Bahru melalui kaedah penswastaaan. Akademi ini mempunyai satu *indoor court* bertaraf antarabangsa dan mendapat pengiktirafan badan induk sukan dunia dan 5 *outdoor court*, dengan izin. Di dalam kawasan akademi ini juga mempunyai asrama bagi kegunaan atlet. Terdapat sebuah lapang sasaran menembak bagi acara *air pistol* dengan izin, yang mana kita di Negeri Johor hanya mempunyai sebuah lapang sasaran di daerah Batu Pahat. Terdapat juga sebuah *multi purpose hall* dengan izin, bagi mengadakan latihan bagi acara sukan lain seperti sepak takraw, bola tampar, bola jaring dan juga acara sukan lain. Pembangunan ini secara menyeluruh dapat memaksimumkan penggunaannya, yang mana dari segi kos penyelenggaraan juga telah diambil kira.

Kelima-lima kemudahan ini belum mengambil kira kemudahan sedia ada seperti yang pertama, yang terdapat di dalam Negeri Johor iaitu di *Educity*, yang kedua, di UTM Skudai yang boleh digunakan bagi menampung keperluan penganjuran sukan seperti SUKMA dan ianya juga menepati spesifikasi dan *standard* peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi memastikan setiap perancangan memenuhi keperluan secara menyeluruh di Negeri Johor, beberapa siri perbincangan di peringkat dalaman juga telah dilakukan membabitkan Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dan beberapa syarikat-syarikat pemaju dan juga konsultan yang layak. Diharapkan dengan segala perancangan yang dilaksanakan ini, dapat memberi pulangan yang baik kepada Negeri Johor di Temasya SUKMA 2020, yang mana bukan hanya gah sebagai tuan rumah tetapi dari segi pencapaiannya juga diambil kira.

Dan yang paling utama, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, setiap kemudahan yang akan siap ini juga akan disediakan pelan penyelenggaraan jangka panjang bagi memastikan ianya diurus dengan sempurna setelah selesai kejohanan berlangsung. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, Jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Speaker, ADUN eh EXCO Sukan, yang mana telah membentangkan ada lima *venue* kelengkapan sukan yang akan didirikan tetapi persoalannya, kita tinggal 5 tahun sahaja lagi untuk kita ke tahun 2020, dengan kerancangan pembangunan yang ada sekarang, mungkin berlumba dengan pencapaian sebuah negara maju pada tahun 2020. Adakah program-program, projek-projek yang akan dilaksanakan ini sudah dirancang dan dah boleh dimulakan pada tahap ini? Sekian.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Datuk ADUN Tanjung Puteri. Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, bahawa setiap 5 perancangan yang kita akan bangunkan di Negeri Johor adalah di peringkat akhir kerana kita sekarang masih telah menyediakan semua apa yang diperlukan untuk kita memulakan projek seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika pembentangan bajet tempoh hari iaitu kesemua projek ini, insya-Allah dengan izin Allah Taala akan dilaksanakan bermula pada tahun 2015. Kita sedang menyiapkan segala kerja-kerja di peringkat akhir dan saya rasa untuk kita menghadapi SUKMA 2020, kita akan dapat bersedia dengan sepenuhnya.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, selain daripada itu, kita juga ada merancang beberapa pembangunan, projek infrastruktur sukan untuk kita, melalui permohonan dengan Kementerian Belia dan Sukan, yang mana kita telah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri untuk kita menambah infrastruktur sukan yang ada dalam Negeri Johor termasuk kita melantik perunding bagi kita menyediakan pelan untuk keseluruhan Negeri Johor bagi pembangunan infrastruktur sukan.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senai, jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Sila nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menghadapi musim kemarau 2015 agar masalah bekalan air tidak akan berlaku lagi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Senai. Negeri Johor dilanda cuaca kering sekitar Februari tahun lepas, sehingga menyebabkan beberapa daerah terlibat dengan perancangan bekalan air berjadual untuk tempoh tertentu. Bagi memastikan situasi ini tidak berpanjangan di masa hadapan, kerajaan negeri telah mengambil beberapa perancangan jangka masa panjang untuk memastikan bekalan air mencukupi ketika musim kemarau dan dapat menampung kegunaan keperluan penggunaan. Antara projek yang telah diluluskan untuk pengurusan bekalan air di masa akan datang ialah pembinaan Empangan Kahang yang boleh membekalkan sumber air mentah sebanyak 100 juta liter sehari bagi daerah Kluang. Ia dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017. Selain itu, projek menaik taraf Empangan Bekok milik JPS juga sedang dalam peringkat kerja reka bentuk oleh pihak perunding dan dijangka siap pada tahun 2017, serta mendatangkan manfaat kepada penduduk di daerah Batu Pahat. Manakala projek pembinaan struktur *Barrage* dengan izin, merintang Sungai Johor berhampiran Loji Rawatan Air PUB di Kampung Tai Hong dekat Kota Tinggi masih dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sungai Johor adalah sumber yang membekalkan air kepada 65% keperluan pengguna. Berkaitan perancangan bekalan

air bersih untuk menghadapi musim kemarau, pihak kerajaan negeri dan Syarikat Air Johor (SAJ) selaku operator pembekalan air di negeri ini sentiasa bersedia sedia menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena tersebut. Dengan bersama memantau rapi paras sungai dan empangan yang membekalkan air mentah kepada loji rawatan di negeri ini. Selain itu, pihak SAJ juga akan mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan Bekalan Air SAJ sekiranya paras air menyusut pada tahap amaran dan menyediakan keperluan logistik bagi menghantar bantuan bekalan air. Beberapa daerah di negeri ini juga mempunyai sokongan daripada sumber yang berdekatan dengan daerah-daerah bersebelahan, yang mana *interconnection* dengan izin, sedia ada dari loji lainnya akan diaktifkan sekiranya ada keperluan. Selain daripada cuaca, punca-punca masalah terhadap bekalan air termasuk jugalah pencemaran. Banyak juga terdapatnya loji-loji yang mendapat bekalan air langsung daripada sungai. Loji-loji seperti inilah yang mudah terancam oleh keadaan kemarau.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak kerajaan negeri juga telah mengemukakan permohonan kepada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, untuk perancangan pengurusan sumber air akan datang dengan mengemukakan cadangan projek pembinaan seperti Empangan Meda di Muar, pembinaan Empangan Ulu Sedili Besar di Kota Tinggi serta projek pemindahan air mentah dari Sungai Johor ke Loji Rawatan Air Skudai. Manakala cadangan projek untuk menaik taraf Empangan Congok di Mersing telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Senai, jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, memandangkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, negeri kita amat bergantung kepada sumber air yang sedia ada khasnya bergantung kepada sekurang-kurangnya 35% bergantung kepada empangan. Oleh itu, saya nak minta tanya, adakah apa-apa rancangan oleh kerajaan negeri untuk mengumpulkan air hujan ataupun menggalakkan setiap rumah pengguna mengumpulkan air hujan untuk mengurangkan impak negatif kalau cuaca yang kurang baik atau menghadapi cuaca kemarau, musim kemarau dan pengguna-pengguna Negeri Johor boleh bergantung kepada air hujan, yang boleh dikumpulkan tiap-tiap rumah atau menggalakkan swasta, pembinaan rumah yang tanpa itu facility mengumpul air hujan di tiap-tiap pembinaan ataupun pembinaan rumah yang baru itu. Itu soalan tambahan saya. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Selain daripada sumber air permukaan yang saya telah huraikan sebentar tadi iaitu air sungai, air tasik dan air empangan, Yang Berhormat ada mencadangkan supaya kita mengambil langkah untuk menakung air daripada sumber air hujan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010 hingga 2060. Dan, kajian tersebut akan digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam perancangan pembangunan sumber air. Kajian mendapati

bahawa Negeri Johor menerima jumlah hujan yang banyak seperti mana yang kata, Yang Berhormat tadi dan mencukupi untuk memenuhi permintaan tanpa bergantung kepada sumber air seperti bawah tanah atau air laut. Walau bagaimanapun, jumlah hujan tersebut tidak turun sepanjang tahun dan kawasan tadahan berada di luar kawasan penempatan manusia. Oleh itu, air hujan yang turun pada musim monsun perlu disimpan untuk kegunaan dalam musim kering dengan membina empangan, itu kaedah yang terbaik dan kaedah yang amat berkesan. Begitu juga dengan air yang berlebihan di kawasan yang kurang permintaan perlu disalurkan kepada kawasan yang memerlukan. Pada ketika ini, kerajaan sedang membina empangan seperti mana yang telah saya nyatakan sebagai langkah untuk memastikan kita mempunyai sumber air yang mencukupi. Terima kasih.

YB Tan Sri Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Hari ini nilai ringgit kita turun dan harga minyak juga turun yang memberi kesan besar kepada sektor industri, IKS dan peladang, penternak dan nelayan di negeri Johor. Apakah langkah diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi keadaan ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Tan Sri, soalan dari Yang Berhormat DUN Bukit Naning, berkaitan dengan hari ini nilai ringgit kita turun dan harga minyak juga turun yang memberi kesan besar kepada sektor industri, IKS dan peladang, penternak dan nelayan di negeri Johor. Apakah langkah diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi keadaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat DUN Bukit Naning, kejatuhan harga minyak ini tentunya ada yang memberi kesan yang positif dan juga memberi kesan yang negatif dalam sektor pertanian. Sebelum saya menjawab secara terperinci, kita ingin lihat contoh di dalam sektor pembuatan baja, apabila harga minyak naik, pengusaha menyatakan kos pengeluaran meningkat dan perlunya harga baja dinaikkan. Itu sebab ketika harga minyak jatuh, kita kini menggalakkan pengeluaran sesuatu produk dipertingkatkan di mana sewaktu kos pengeluaran rendah, tentunya harga sesuatu produk boleh dijual dengan harga yang lebih rendah dan membolehkan kuasa membeli oleh pengguna dipertingkatkan. Bagi penurunan nilai ringgit ini pula, kita sentiasa mengawal dan mengurangkan pengimportan bahan makanan dan menggalakkan pengeluaran makanan secara berterusan bagi menjamin keperluan makanan untuk suatu produk berada di pasaran. Seterusnya, bagi menjamin keselamatan bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan serta membendung kenaikan harga, kerajaan negeri sedang dan telah merangka program dan tindakan yang positif ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan tanaman makanan melalui program-program seperti berikut:-

1. Program Tanaman Selingan.
2. Kebun Integrasi.
3. Pembukaan kawasan baru.
4. Penambahbaikan kawasan sedia ada.
5. Pertanian Bandar.

6. Agro Pelancongan.
7. Jom Bertani.

Tanaman Selingan adalah satu kaedah menanam dua atau lebih jenis tanaman dalam satu petak kebun untuk meningkatkan interaksi di antara dan mempelbagaikan jenis tanaman. Setiap tanaman yang diusahakan mestilah mempunyai ruang yang mencukupi untuk memaksimumkan kerjasama dan meminimumkan persaingan sesama tanaman yang diusahakan.

Seterusnya kebun integrasi. Perkebunan integrasi adalah merupakan satu kaedah dalam mengusahakan kebun dengan cara menggabungkan lebih daripada satu aktiviti atau bidang usaha di dalam satu kawasan kebun. Perkebunan integrasi yang sempurna adalah penggabungan aktiviti tanaman, ternakan dan agrokultur yang dijalankan di dalam satu kebun. Melalui kaedah perkebunan integrasi juga akan menyumbang kepada pencapaian ke arah pertanian mampan. Pertanian mampan ialah sistem perkebunan yang berupaya mengekalkan pengeluaran yang berfaedah kepada masyarakat di mana ianya memelihara sumber-sumber untuk generasi akan datang, menyokong kehidupan sosial, berdaya saing dari segi ekonomi dan mesra alam.

Pembukaan tanah baru sebagaimana maklum, kawasan-kawasan baru yang sesuai untuk dimajukan bagi tujuan pertanian komersial adalah semakin berkurangan kerana sebahagian besar daripada tanah-tanah pertanian yang sesuai dimajukan di dalam negeri ini telah dimajukan dengan pelbagai tanaman termasuklah kelapa sawit, getah, kelapa, dusun dan tanaman makanan yang lain. Adalah dianggarkan seluas lebih 880,000 hektar atau 68% telah dimajukan daripada keluasan yang sesuai untuk pertanian sejumlah 1,284,000 hektar di Negeri Johor.

Penambahbaikan kawasan sedia ada, walau bagaimanapun kerajaan negeri menggalakkan tanaman selingan di kawasan tanaman semula getah dan kelapa sawit. Pelaksanaan kebun Integrasi dan cadangan penambahbaikan zon pengeluaran makanan melalui pendekatan TKPM, pengusaha-pengusaha tanaman makanan di kawasan-kawasan tanaman makanan sedia ada tidak akan dibiarkan malah akan terus digalakkan untuk mengusahakan tanaman makanan dengan memberi khidmat nasihat pengembangan dan insentif untuk menggunakan teknologi-teknologi baru bagi tujuan meningkatkan pengeluaran.

Seterusnya Program Pertanian Bandar. Program pertanian bandar merupakan program yang membantu isi rumah bandar, meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebagaimana daripada bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan dan khidmat nasihat. Program ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan juga program pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan daripada jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan. Aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar bagi mengeluarkan bahan makanan sendiri merupakan satu pendekatan yang praktikal dan dapat mengurangkan perbelanjaan harian berikutan kenaikan kos sara hidup di bandar. Berdasarkan kepada situasi tersebut, Program Pertanian Bandar dilaksanakan bertujuan menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran, tanaman makanan di sekitar kediaman supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan. Selain

itu, ia turut memberi kesan penambahbaikan dan mengindahkan landskap di sekitar kawasan kediaman, pejabat, sekolah, institusi dan lain-lain. Secara tidak langsung ia dapat memberi manfaat dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran bandar.

Untuk program yang seterusnya, Agro Pelancongan. Satu program yang bakal dilaksanakan bagi memastikan pendapatan pengusaha pertanian dipelbagaikan. Semua pendapatan bukan bergantung pada penjualan produk sahaja tapi ke arah menjadikan sektor pertanian juga boleh menyumbang ke arah sektor pelancongan serta premis perniagaan mereka dijadikan pusat bimbingan usahawan baru. Secara tidak langsung sektor pertanian di Negeri Johor dapat digerakkan ke satu tahap lagi.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian sahajalah soalan-soalan yang dapat dijawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini, dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) (NO.3) TAHUN 2014

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2014) (No.3) Tahun 2014 dibacakan kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi perbelanjaan bekalan bagi tahun 2014. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM86,166,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah dua Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor iaitu sebanyak RM86,159,000.00.
2. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM7,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Tan Sri Speaker, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan mengenai prestasi kewangan semasa Negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hasil Kerajaan Negeri pada 2014 adalah sebanyak RM1.54 bilion dan jumlah ini adalah 45% lebih tinggi berbanding anggaran semasa pembentangan bajet iaitu semasa RM1.064 bilion. (Dewan bertepuk). Dengan mengambil kira tambahan peruntukan ketiga yang akan dibentangkan, pada hari ini berjumlah RM86 juta, maka jumlah perbelanjaan mengurus untuk tahun 2014 adalah sebanyak RM1,168.83 juta. Untuk itu, bagi tahun 2014 akaun hasil disatukan mencatatkan surplus ataupun lebihan sebanyak RM374.77 juta. (Dewan bertepuk). Lebihan ini sekali gus meningkatkan jumlah terkumpul akaun hasil disatukan pada akhir tahun 2014 kepada RM860.02 juta berbanding RM485.25 juta pada 31 Disember 2013. Ini merupakan tahun kelima berturut-turut sejak tahun 2010 yang menunjukkan lebihan semasa dalam akaun semasa hasil disatukan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan kedudukan akaun hasil negeri Yang bertambah baik maka kedudukan rizab tunai Kerajaan Negeri juga semakin kukuh dan meningkat naik. Setakat 31 Disember 2014, rizab tunai kerajaan negeri adalah berjumlah RM2,309.44 juta berbanding RM1,799.09 juta pada akhir tahun 2013 (Dewan bertepuk). Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,842.25 juta adalah merupakan wang tunai manakala RM467.19 juta merupakan lain-lain pelaburan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

YB Tan Sri Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

YB Tan Sri Speaker : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM7,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang Ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menampung bayaran perhubungan dan utiliti jabatan bagi tahun 2014.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM86 juta bagi Maksud B.28 Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun dan RM159,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

YAB Menteri Besar : Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud B.28 sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun diperuntukkan sebanyak RM86 juta bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang telah disempurnakan bagi projek-projek kerajaan negeri di bawah peruntukan pembangunan tahun 2014. Di bawah Maksud Bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM159,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan bagi tahun 2014.

YB Tan Sri Speaker : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Fasal yang pertama jadi sebahagian dari Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

YAB Menteri Besar : Yang terhormat Tan Sri Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2014) (No.3) Tahun 2014 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2014) (No.3) Tahun 2014.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN NEGERI (SARAAN) (PINDAAN) 2015.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2015 dibaca kali yang pertama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 Enakmen No.8/1980.

YAB Menteri Besar : Saya mohon membawa Rundingan di bawah Peraturan Tetap 58 agar Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujui.

YAB Menteri Besar: Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menyatakan dengan bangganya bahawa sepanjang sejarah politik moden Negeri Johor, ia sentiasa diwakili oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang berwibawa, terhormat, gigih dan jujur. Bagi Penggal ini, biar apa pun perbezaan fahaman politik, saya yakin semua Ahli Dewan ini mempunyai komitmen tinggi kepada perkhidmatan awam. Mereka telah menyumbang dengan penuh dedikasi kepada negeri dan rakyat Johor. Oleh yang demikian, saya ingin mengusulkan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini agar segala jerit perih dan sumbangan semua Ahli Dewan yang mulia ini diiktiraf dengan meluluskan satu kenaikan gaji yang setimpal dengan dedikasi dan keperluan mereka. (Dewan bertepuk).

Secara asasnya, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 [Enakmen No. 8/1980]. Semakan terakhir elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri telah dilakukan pada tahun 2009. Dan semasa pembentangan Bajet Negeri 2015 pada 13 November 2014 yang lalu, saya telah mencadangkan supaya elaun bulanan Ahli-Ahli Dewan Negeri dinaikkan kepada satu kadar bersamaan Gred 54 berkuat kuasa 1 Januari 2015. (Dewan bertepuk). Pengumuman itu dibuat selari dengan prestasi kewangan kerajaan negeri yang membanggakan kebelakangan ini.

Tan Sri Speaker, izinkan saya menjelaskan dengan lebih lanjut alasan-alasan yang mewajarkan cadangan kenaikan ini. Semua Ahli Dewan yang mulia ini mempunyai peranan berkembar.

1. Tanggungjawab besar mereka adalah kepada masyarakat dan negara serta negeri. Mereka mempunyai tugas untuk memastikan kebajikan rakyat yang mereka wakili disempurnakan dengan baik. Rakyat sentiasa menjadi keutamaan mereka. Semua permasalahan sedaya mungkin disuarakan di Dewan ini agar mendapat jalan pencerahan dan penyelesaiannya yang berkesan.
2. Mereka mempunyai tanggungjawab *legislative*. Mereka berperanan mempengaruhi peruntukan awam, memperkenalkan Undang-Undang dan peraturan baru, meminda Undang-Undang sedia ada agar bersifat sezaman dan memberikan pandangan, idea dan teguran konstruktif agar masyarakat dan negeri kita ini menjadi lebih baik.

Kedua-dua peranan ini adalah tanggungjawab yang sangat penting dan besar. Jika kita mengharapkan perkhidmatan luar biasa, tetapi ganjarannya sekadar jumlah yang tidak berpada maka ia adalah sesuatu yang sangat tidak adil dan tidak munasabah. Kebanyakan kita lupa bahawa begitu banyak profesional di luar sana yang mempunyai pendapatan yang sangat tinggi dan lumayan. Justeru, saya yakin bahawa jumlah yang dicadangkan pada hari ini adalah setimpal dan tidak berlebihan. Dalam mencadangkan kenaikan ini ada empat prinsip utama yang kita gunakan iaitu:

1. Gaji dan ganjaran kepada Ahli Dewan Undangan Negeri mestilah kompetitif dan sesuai dengan tanggungjawab mereka, agar mereka yang berkelayakan, berketerampilan dan berwibawa tertarik dan bersedia untuk tampil dan menawarkan khidmat mereka pada bangsa dan tanah air khususnya daripada sektor swasta dan bidang profesional.
2. Falsafah dan semangat perkhidmatan politik. Iaitu kebaktian kepada khidmat awam perlu diambil kira. Maka dengan itu, kenaikan yang dicadangkan ini tidak terlalu tinggi sebaliknya sesuai dengan pendapatan golongan profesional lain dalam negara kita.
3. Kenaikan ini bertujuan untuk memastikan kita bergerak ke arah sistem yang bersih dan telus tanpa disyaratkan dengan manfaat sampingan yang tersembunyi.
4. Kenaikan ini adalah selaras dengan kemajuan sosioekonomi Johor dan masyarakatnya.

Tuan Speaker, kerjaya sebagai Ahli Politik adalah satu tugas sivik. Oleh kerana orientasinya, orientasi siviknya maka tidak banyak perbezaan Ahli Politik dengan perkhidmatan profesional sivik lain yang berpendapatan jauh lebih tinggi seperti doktor, profesor, pegawai tinggi keselamatan serta pelbagai perkhidmatan awam lain. Lebih penting, Ahli Politik diharapkan untuk memaparkan sikap profesionalisme yang tinggi, kepakaran, tahap intelek, dedikasi dan integriti yang sesuai dan setaraf dengan kedudukan mereka sebagai Wakil Rakyat dan Ahli *Legislative*. Maka, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab amat munasabah untuk gaji Ahli Dewan yang mulia ini ditetapkan dengan merujuk kepada pekerjaan lain yang mempunyai tahap pendapatan yang setaraf dan kompetitif.

Kita dan masyarakat harus bersikap realistik. Kita mahukan semua Wakil Rakyat bekerja, dan mengutamakan rakyat. Kita mahukan mereka berhujah tentang sesuatu dasar dengan disokong oleh dapatan dan kajian yang muktabar dan kukuh. Kita marah jika e-mel dan aduan kita lambat diberikan maklum balas. Kita harapkan Wakil Rakyat kita ada di kawasan pada setiap waktu termasuk pada hujung minggu. Tetapi kita juga harus ingat, bahawa mereka juga orang biasa, ada keluarga, ada kehidupan, ada rumah yang harus dibayar. (Dewan bertepuk). Ada kenderaan, ada persekolahan anak-anak dan ada keperluan kesihatan dan simpanan hari tua (Dewan bertepuk).

Dan ramai dari Ahli Dewan kita yang sebelum ini, mempunyai kerjaya yang baik dan pendapatan yang jauh lebih lumayan. Bagaimana harus kita mengukur pengorbanan mereka ini? Janganlah kita gunakan alasan tugas sivik ini untuk bersifat tidak adil, saksama dan manusiawi dengan mereka yang kita harap mendambakan hidupnya untuk kesejahteraan kita.

Tan Sri Speaker, Johor bukanlah sebuah negeri yang besar. Namun ekonomi kita sangat terbuka, rancak dan berdaya saing. Kita mencatat pertumbuhan antara yang paling pesat di Malaysia. Tetapi agenda kita tidak terhenti setakat mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan. Sebaliknya kita mahukan sebuah masyarakat yang mempunyai susun atur dan *governance* yang lebih baik. Malah kita

ingin menjadi yang terbaik berbanding negeri-negeri lain dalam negara kita. (Dewan bertepuk).

Untuk makluman Tan Sri Speaker dan Ahli Dewan sekalian, secara perbandingannya cadangan kenaikan elaun Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor ini tidak bezanya dengan Negeri Sembilan iaitu RM8,954.00, Sabah RM7,950.00 dan Perak RM8,000.00. Malah jumlahnya lebih rendah jika hendak dibandingkan dengan Sarawak RM15,000.00 serta Selangor RM11,250.00. Di luar negara pula, kita maklum bahawa Singapura membayar gaji tertinggi di dunia untuk Ahli Kabinet dan Parlimennya. Di Perancis dan Jepun gaji Ahli *Legislative* nya ditetapkan setara dengan gaji golongan birokrat dengan pendapatan tertinggi. Di Jerman wujud peruntukan Undang-Undang yang jelas menyatakan bahawa gaji Ahli *Legislative* mestilah dibayar dengan kadar yang mencukupi dan memenuhi keperluan peribadi agar ganjaran tersebut setimpal untuk memastikan ketelusan dan membolehkan mereka bersifat bebas dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Di Mexico, Ahli *Legislative* dibayar lumayan dan mereka ditegah sama sekali untuk berniaga dan melakukan apa-apa kerja lain walau pun mereka mempunyai kelayakan profesional. Malah mereka tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan dalam parti politik mereka. Tapi itu kita tidak payah ikut. Di Amerika, Ahli Kongres tidak boleh memperolehi pendapatan luar melebihi 15% daripada ganjaran sebenar mereka sebagai Ahli Kongres. Dan yang lebih penting Tuan Yang Di Pertua dan warga Dewan sekalian, Tan Sri Speaker dan warga Dewan sekalian, kenaikan ini tidak terlalu membebankan dan mampu dibiayai oleh Kerajaan Negeri (Dewan bertepuk).

Seperti yang telah dikatakan pada tahun lepas Johor mempunyai lebihan atau pun *surplus* sebanyak RM300 lebih juta dan setahun sebelumnya sebanyak RM400 juta lebih. Maka sewajarnya sedikit dan pendapatan lebihan ini digunakan untuk membolehkan Ahli Dewan menerima ganjaran sesuai dengan pembangunan pesat Negeri Johor. Maka bagi mengiktiraf pengorbanan luar biasa Ahli Dewan yang mulia ini, menghargai sumbangan mereka kepada Negeri Johor dan rakyatnya, dan setelah mengambil kira pertumbuhan pesat ekonomi Johor, serta perbandingan ganjaran di negeri-negeri lain di Malaysia serta kedudukan dan amalan di negara-negara dunia yang lain, saya mohon mengusulkan cadangan kenaikan elaun Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Fasal 1 Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan iaitu pada 1 Januari 2015. Fasal 2 pula bertujuan meminda seksyen 3 Enakmen No. 8/1980 dengan menggantikan elaun yang baru sebagaimana yang dicadangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu berjumlah RM9,000.00. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN NEGERI (SARAAN) (PINDAAN) 2015.

YB Tan Sri Pengerusi : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : FASAL 1 dan FASAL 2.

YB Tan Sri Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ialah supaya Fasal 1 dan Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 dan Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker: Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor adalah seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2015.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Tan Sri Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor yang sangat prihatin kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri. Mudah-mudahan apa yang telah pun dikemukakan dalam cadangan serta usul Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi

akan menjadi ingatan kita dan menjadi satu perangsang untuk Ahli-Ahli Dewan Negeri bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk rakyat dan Negeri Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Penolong Jurutulis

Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

Koordinator

Encik Omar bin Yasin

Setiausaha Pejabat

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhammad Khirunizam bin Pahmi
Mohd. Norazri bin Kasim
Encik Mohd. Sapri bin Manan

Rakaman

Encik Noorazhan bin Mohamad Salleh

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Zalinah binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Pejabat Pengairan dan Saliran Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat Tim. Pegawai Kewangan Negeri Johor